

21/03/2004

Dr Mahathir dedah taktik Pas

JERLUN: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mendedahkan, Pas sanggup melakukan apa saja untuk memancing undi walaupun dengan perbuatan yang bertentangan agama Islam.

Beliau berkata, ini terbukti apabila Pas menyediakan minuman keras kepada petugas dan pengunjung bukan Islam di markas mereka di Terengganu.

"Inilah Pas... arak tak boleh diminum tapi nak dapatkan undi, mereka boleh sediakan (kepada bukan Islam). Inilah kononnya parti Islam tapi perbuatan mereka jelas bertentangan dengan Islam," katanya sewaktu merasmikan Wisma Umno Bahagian Jerlun, di sini.